

**AKHBAR : SINAR HARIAN**  
**MUKA SURAT : 27**  
**RUANGAN : NASIONAL**

# Dr Dzulkefly pamer prestasi cemerlang

Laksanakan transformasi, kukuhkan kredibiliti KKM

Kegiatan melaksanakan pelbagai transformasi dalam sektor kesihatan negara oleh Menteri Kesihatan Malaysia, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad merupakan pencapaian bersama 270,000 anggota pasukan ke-menterian. Keberanian dan kecekapan Dr Dzulkefly dalam melaksanakan pelbagai perubahan dalam tempoh yang pendek perlu diberi pengiktirafan dan menjadi contoh kepada pemimpin masa hadapan dalam memperkukuh sektor awam demi kesejahteraan rakyat.

Pencapaian cemerlang ditunjukkan beliau mengukuhkan kredibiliti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), sekali gus memberi impak positif kepada sektor kesihatan negara dalam jangka panjang.

Sebagai Menteri Kesihatan, Dr Dzulkefly telah membuat beberapa perubahan sistem sebelum usaha reformasi boleh dikembangkan terutamanya dari segi reformasi undang-undang yang menjadi punca kuasa kepada kementerian. Oleh itu, rombakan harus bermula dengan penambahbaikan tatakelola.

Pindaan Akta Perubahan 1971 (Akta 50) yang merangkumi seluruh aspek perubahan negara adalah penting untuk merombak sistem latihan kepakaran perubatan di samping menambah baik beberapa aspek tatakelola amalan perubatan.

Pindaan Akta Pencegahan dan Pengawasan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) pula amat kritikal untuk membolehkan negara mempunyai tahap kesiapsiagaan tertinggi bagi menghadapi sebarang ancaman penyakit berjangkit, seperti mpxo sebelum ini dan HMPV yang sedang menular.

Selain itu, dasar-dasar kesihatan negara sejak bayi dalam kandungan hingga ke liang lahad (*from womb to tomb*) telah turut dirombak secara menyeluruh bagi memastikan seluruh gerak kerja KKM dan kerajaan dalam aspek kesihatan adalah terkini, cekap dan berkesan.

## Malaysia kini semakin terserlah

Penganjuran MIH Megatrends 2024 yang dirasmikan oleh Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim juga mencatat sejarah kerana Malaysia memimpin wacana kesihatan global di rantau ini, manakala Royal College of Surgeons of Edinburgh telah memilih Malaysia sebagai lokasi kampus mereka di rantau ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim telah merasmikan majlis penutup pameran IMDEC 2024 dan 28th Global Harmonization Working Party (GHWP), kedua-duanya adalah penting untuk industri peranti perubatan yang menjadi salah satu pemacu pertumbuhan ekonomi di bawah Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP) 2030.

Bidang penyelidikan klinikal juga mencatat sejarah kerana menyaksikan lima

kajian klinikal First-in-Human baharu tahun ini. Dari segi bilangan penyelidikan klinikal tajaan industri pula, Malaysia kini berada di tangga teratas ASEAN.

Selain itu, agenda memerangi ke-rintangan anti mikroba (AMR) yang dipengerusikan Dr Dzulkefly pada Mei lalu di Perhimpunan Kesihatan Sedunia (WHA) di Geneva kini sudah diterima sebagai agenda kesihatan global oleh Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGA) pada September lepas.

Ini diikuti dengan Resolusi Kesihatan Paru-paru yang telah dikemukakan oleh Dzulkefly di Kongres Kanser Sedunia (WCC) pada September lalu yang kini juga akan ke WHA 2025 pada Mei dan UNGA pada September depan.

Peningkatan 18% pengunjung kesihatan kepada 642,643 orang yang menyumbang kepada 22% peningkatan pendapatan kepada RM1.26 bilion untuk separuh pertama tahun ini menunjukkan keyakinan warga dunia kepada kualiti perkhidmatan kesihatan kita.

Secara mudahnya, Malaysia kini berdiri megah di persada dunia. Kualiti amalan perubatan dan sistem kesihatan kita diyakini oleh badan-badan antarabangsa.

## Kemajuan teknologi

Kemajuan teknologi membantu meningkatkan kepantasan, kualiti dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan kesihatan kepada rakyat.

Bahagian Kesihatan Digital dan Bahagian Pengurusan Maklumat meneruskan agenda transformasi digital KKM, menuju ke arah Satu Individu Satu Rekod Kesihatan secara elektronik atau *electronic medical record* (EMR) untuk sepanjang



*Secara mudahnya, Malaysia kini berdiri megah di persada dunia. Kualiti amalan perubatan dan sistem kesihatan kita diyakini oleh badan-badan antarabangsa."*

hayat atau *lifetime health record* (LHR).

Pelaksanaan teknologi hijau dan mesra alam telah mencapai pencapaian yang cemerlang, contohnya beberapa fasiliti KKM menerima anugerah seperti ASEAN Energy Award 2024, Leadership in Energy and Environmental Design (LEED) dan Malaysian Carbon Reduction and Environmental Sustainability (MyCREST).

Penjimatan tenaga elektrik sebanyak 1,097 GWh bernilai RM461 juta dan pengurangan pelepasan gas karbon dioksida sebanyak 702 tan secara kumulatif adalah bukti pencapaian ini.

## Tingkatkan kapasiti kesihatan

KKM seperti juga pihak berkuasa kesihatan lain di banyak negara lain, berhadapan dengan cabaran sumber manusia untuk jangka pendek dan panjang.

Namun begitu, dengan pindaan Akta 50 yang telah dibuat, ekosistem amalan dan latihan kepakaran perubatan akan bertambah baik.

Contohnya, jumlah biasiswa untuk latihan kepakaran telah dinaikkan ke RM152.4 juta untuk tahun 2024, iaitu lebih dua kali ganda berbanding 2019-2023.

## INFO

Di bawah Hospital Services Outsourcing Programme (HSOP) pula, perkhidmatan seperti kardiologi, pembedahan kardiotorasik, nefrologi serta radiologi dan pengimejan dialih daya (*outsourced*) kepada pihak swasta menggunakan kaedah pembelian strategik (*strategic purchasing*).

### Ia melibatkan:

- i. Pengurangan 75 peratus masa menunggu pesakit untuk pembedahan Arterio-Venous Fistula (AVF) iaitu dari 16 minggu kepada empat minggu.
- ii. Pengurangan 20 peratus masa menunggu bagi prosedur MRI dan ultrasound, iaitu dari 20 minggu kepada 16 minggu.

Sebanyak 22,773 kes rujukan telah dibuat ke 94 hospital swasta panel terlibat melibatkan peruntukan sebanyak RM66.5 juta. Pihak swasta seperti Yayasan MSU dan IHH Malaysia turut menyumbang melalui program masing-masing.

Penglibatan aktif pertubuhan bukan kerajaan (NGO) juga amat membantu di akar umbi, contohnya dari segi penyampaian perkhidmatan hemodialisis. KKM merupakan sebuah kementerian yang berpaksikan fasiliti dan banyak aspek perkhidmatan pula bergantung kepada peralatan serta peranti perubatan yang memerlukan pelaburan besar.

Namun begitu, KKM terus komited mempelbagaikan sumber pembiayaan, bukan sahaja untuk membaik pulih dan menaik taraf fasiliti, malah juga membina fasiliti baharu di lokasi-lokasi yang memerlukan dan melatih tenaga kerja berkemahiran tinggi untuk mengoperasikannya.

Ini juga salah satu strategi mengekalkan bakat dalam sistem kesihatan awam kerana ia menyokong petugas kesihatan mencapai aspirasi kerjaya mereka. Pakar perubatan yang dilahirkan juga akan memangkin latihan lebih ramai pakar perubatan dan pegawai perubatan generasi seterusnya, maka meningkatkan kapasiti sistem kesihatan negara secara keseluruhan.

Selain itu, kejayaan petugas kesihatan juga menjadi keutamaan. Selain kenaikan gaji di bawah Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) kenaikan elau tetap atas panggilan dan pelbagai insentif lain juga adalah usaha ke arah ini.

Sementara itu, penyampaian perkhidmatan di akar umbi amat bergantung kepada kepada kerjasama banyak pihak yang digembleng dengan penuh bersinergi melalui pendekatan seluruh negara (*whole-of-nation*).

Program seperti KOSPEN dan PeKaB40 amat penting untuk memastikan rakyat membuat saringan kesihatan secara berkala agar sebarang penyakit dapat dikesan dan dikecang awal supaya komplikasi jangka panjang dapat diminimumkan.

Di bawah Skim Perubatan Madahi, penerima Sumbangan Tunai Rahmah (STR) boleh menerima rawatan sakit-sakit ringan, sekali gus mengurangkan kesesakan di klinik-klinik kesihatan KKM.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES  
MUKA SURAT : 8  
RUANGAN : NATION

NST M/S8 NATION 5/1/2025 (AHAD)  
327 CASES LAST YEAR  
**RISE IN RESPIRATORY ILLNESSES**

Health Ministry: hMPV not a new disease, but people should remain vigilant

AMALIA AZMI  
KUALA LUMPUR  
amalia.azmi@nst.com.my

**T**HERE have been 327 cases of human metapneumovirus (hMPV) infections in 2024, up from 225 cases in 2023.

This signals a notable increase in respiratory tract infections caused by this virus from the Pneumoviridae family.

The Health Ministry said hMPV was not a new disease and was not mandated for notification under the Prevention and Control of Infectious Diseases Act 1988.

However, it urged the public to remain vigilant, as respiratory infections were expected to persist in the community.

"The rise in acute respiratory infections towards the end of the year and into the next is consistent with global trends, particularly in colder climates, such as in China."

To curb the spread of such infections, people are advised to practise good hygiene, including frequent hand washing, covering mouths when coughing and wearing face masks in crowded or enclosed spaces.

High-risk individuals are encouraged to take these precautions.

Those with prolonged or worsening symptoms should seek medical attention.

The ministry affirmed its commitment to monitoring respiratory infections, including hMPV, Covid-19 and influenza, both domestically and internationally, to boost preparedness and implement control measures.

Regarding Covid-19, the ministry noted a significant improvement in 2024, with cases decreasing by 50.4 per cent from 202,962 in 2023 to 100,666.

Deaths also fell sharply, from 441 in 2023 to 57 in 2024.

No new Covid-19-related deaths have been reported since April 25 last year, and the dominant strain remains the Omicron variant and its subvariants.

**HUMAN METAPNEUMOVIRUS (hMPV)**  
Respiratory virus first identified in 2001

**GROUPS AT HIGHER RISK OF RESPIRATORY INFECTIONS**

- Infants
- Babies under 1 year
- Elderly
- Immunocompromised individuals

**VIRUS SPREADS THROUGH**

- 1 Direct contact with infectious secretions, such as saliva
- 2 Respiratory droplets expelled when an infected person coughs or sneezes
- 3 Touching surfaces contaminated with the virus; touching the mouth, nose or eyes before washing hands.

**SYMPTOMS**

- Runny or stuffy nose
- Fever
- Sore throat
- Cough
- Rash
- Wheezing
- Shortness of breath

INFOGRAPHIC NST



People are urged to practise good hygiene and wear face masks in crowded spaces. FILE PIC

Globally, concerns about hMPV have intensified, particularly in China, where rising cases among children under 14 have been reported, especially in the northern provinces.

China's disease control authorities are piloting a monitoring system for pneumonia of unknown origin amid predictions of

increased respiratory illnesses during winter.

Images of masked people crowding hospitals in China have surfaced online, fuelling fears about the virus's impact.

Recent data from China indicates a surge in hMPV and other respiratory pathogens like rhinovirus.

AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 4  
RUANGAN : NASIONAL

SINAR HARIAN MS 4 NASIONAL 5/1/2025 (AHAD)

# Tiada kes positif baharu HMPV direkodkan

KKM sentiasa pantau perkembangan penyakit itu, pelaksanaan pencegahan sama dengan pendekatan bagi penyakit berjangkit lain

Oleh MOHD IZZATUL  
IZUAN TAHIR  
KUALA SELANGOR

**K**ementerian Kesihatan Malaysia (KKM) belum menerima kes terbaharu positif virus human metapneumovirus (HMPV) di negara ini meskipun berlaku lonjakan penularannya di China.

Menterinya, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, setakat ini KKM sentiasa memantau perkembangan penyakit itu dengan teliti.

Menurutnya, pelaksanaan pencegahan juga sama dengan pendekatan bagi penyakit berjangkit lain.

"Mereka yang bergejala diminta untuk segera mendapatkan rawatan di klinik kesihatan terdekat.

"Kami turut melaksanakan aktiviti pengesanan kes aktif dan pasif seperti biasa bagi memantau gejala penyakit pernafasan," katanya ketika ditemui selepas mengadakan lawatan di tapak runtuh Kolam Takungan Hillpark, Taman Seri Alam, Saujana Utama di sini pada Sabtu.

Menurut Dr Dzulkefly, penyakit pernafasan itu bukanlah satu penyakit baharu di negara ini kerana ia tidak wajib dilaporkan atau



Dr Dzulkefly (kiri) meninjau lokasi runtuh kolam takungan di Taman Seri Alam, Saujana Utama pada Sabtu.

dinotifikasikan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).

"Makmal Kesihatan Awam dan makmal hospital KKM juga turut menerima sampel berkaitan penyakit ini," ujarnya.

Sehubungan itu, beliau berkata, KKM bekerjasama rapat dengan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan negara lain seperti Thailand, China serta Singapura untuk bertukar maklumat mengenai perkembangan penyakit berkenaan.

Jelas beliau, Pentadbiran Kawalan dan Pencegahan Penyakit Kebangsaan China (CDC) juga mengesahkan tiada pengisytiharan kecemasan berkaitan jangkitan saluran pernafasan telah dibuat.

"SOP pemantauan di pintu masuk antarabangsa dan sempadan

tetap dijalankan bagi memastikan keselamatan negara.

"Kami akan terus berwaspada dan mengambil langkah yang sesuai untuk menangani sebarang kemungkinan," kata beliau.

Sebelum ini media melaporkan China kini berdepan ancaman virus HMPV yang semakin menular selepas lebih lima tahun kes pertama Covid-19 direkodkan.

Susulan lonjakan kes sejak bulan lalu, pihak berkuasa kesihatan seluruh dunia bertindak memberi amaran mengenai bahaya wabak tersebut dan langkah penjagaan kebersihan.

Sebahagian besar kes jangkitan melibatkan golongan berusia bawah 14 tahun dan bergejala seperti batuk, demam, hidung tersumbat serta nafas berbunyi seperti wisel.

AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 4  
RUANGAN : NASIONAL

SINAR HARIAN MIs 4 NASIONAL 5/1/2025  
(AHAD)

## 327 sampel positif HMPV tahun lalu - KKM

**SHAH ALAM** - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengesan 327 sampel positif virus human metapneumovirus (HMPV) sepanjang 2024 yang menunjukkan peningkatan berbanding 225 pada 2023.

KKM dalam kenyataan berkata, HMPV merupakan salah satu jangkitan saluran pernafasan disebabkan virus dalam keluarga Pneumoviridae.

"Ia bukan satu penyakit baharu. Di Malaysia, jangkitan HMPV tidak wajib dilaporkan atau dinotifikasikan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342].

"Bagaimanapun, jangkitan saluran pernafasan akan terus wujud dalam komuniti dan kita perlu sentiasa berwaspada menghadapinya.

"Orang ramai dinasihati agar proaktif menjaga kesihatan diri dan mencegah jangkitannya kepada orang lain terutama di kawasan tertutup dan sesak," katanya.

Menurut KKM, peningkatan jangkitan saluran pernafasan akut pada hujung dan awal tahun adalah fenomena yang dijangka sepenuhnya selaras dengan pertambahan yang turut dilaporkan di negara lain terutamanya bermusim sejuk seperti China.

"Sebagai langkah pencegahan dan kawalan penularan jangkitan, KKM sentiasa membuat pemantauan dari masa ke masa, sama ada di dalam dan luar negara termasuklah kuman yang menyebabkan Covid-19, influenza serta jangkitan saluran pernafasan lain.

"Mereka yang mengalami gejala berpanjangan atau semakin teruk perlu segera mendapatkan pemeriksaan dan rawatan di fasiliti kesihatan kerajaan atau swasta terdekat," katanya.

### INFO HUMAN METAPNEUMOVIRUS (HMPV)



- Salah satu jangkitan saluran pernafasan disebabkan virus dalam keluarga Pneumoviridae.
- Pertama kali dikesan penyelidik Belanda pada 2001.
- Dilaporkan meningkat di China terutama dalam kalangan kanak-kanak bawah 14 tahun.
- Bukan penyakit baharu di Malaysia.
- Jangkitan HMPV tidak wajib dilaporkan atau dinotifikasikan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342].
- Antara gejala ialah batuk, demam, hidung tersumbat dan nafas berbunyi.
- Bagi kes teruk, pesakit boleh alami bronkitis atau radang paru-paru.
- Individu menghidap asma, penyakit pulmonari obstruktif kronik (COPD) atau emfisema adalah paling berisiko tinggi.
- Virus menular melalui titisan atau aerosol disebabkan batuk atau bersin dan kontak rapat atau terdedah kepada persekitaran yang tercemar.
- Tiada ubat antivirus khusus yang boleh merawat jangkitan HMPV.
- Rawatan ketika ini hanya tertumpu pada melegakan gejala.

MUKA SURAT : 5  
RUANGAN : NASIONAL

SINAR HARIAN MISC NASIONAL 5/1/2025 (AHAD)

## Situasi Covid-19, influenza di Malaysia terkawal - KKM

**PUTRAJAYA** - Situasi Covid-19 di Malaysia terkawal, dengan tiada peningkatan kes memerlukan rawatan di unit rawatan rapi (ICU) dan tiada kematian yang berkaitan dengannya dilaporkan sejak April 2024.

Kementerian Kesihatan (KKM) dalam kenyataan pada Sabtu memaklumkan tiada kes varian baharu dikesan, dan varian SARS-CoV-2 yang sedang menular di Malaysia merupakan varian Omicron dan subvariannya.

KKM berkata, kes positif yang dilaporkan menurun -50.4 peratus ke-

pada 100,666 kes pada 2024 berbanding 202,962 kes pada 2023.

Sementara pengisian katil bukan kritikal menurun daripada 0.68 peratus kepada 0.21 peratus dan pengisian katil ICU menurun daripada 1.21 peratus kepada 0.39 peratus.

KKM memberitahu, jumlah kematian akibat Covid-19 turut menurun pada 2024 dengan hanya 57 kematian berbanding 441 kematian pada tahun sebelumnya.

"Situasi Covid-19 masih terkawal, tiada peningkatan mendadak kes yang memerlukan rawatan di ICU dan tiada ke-

matian dilaporkan sejak 25 April 2024," menurut kenyataan itu.

Bagi jangkitan influenza, KKM berkata, virus influenza A dilaporkan menurun 61 peratus pada 2024 berbanding 66 peratus kes pada 2023 manakala influenza B meningkat 39 peratus berbanding 34 peratus pada tahun sebelumnya.

KKM memaklumkan walaupun jangkitan influenza tidak wajib untuk dilaporkan atau dinotifikasikan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342), namun KKM sentiasa memantau kes influenza di se-

luruh negara.

"Peningkatan jangkitan saluran pernafasan akut pada hujung dan awal tahun adalah fenomena yang dijangka sepenuhnya, selaras dengan peningkatan jangkitan saluran pernafasan yang turut dilaporkan di negara lain terutamanya yang bermusim sejuk seperti China," kata kenyataan itu.

Orang ramai dinasihatkan agar proaktif menjaga kesihatan diri serta mencegah jangkitannya kepada orang lain terutamanya ketika berada di kawasan tertutup dan sesak. - *Bernama*

AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 3  
RUANGAN : NASIONAL

BERITA HARIAN M/S 3 NASIONAL 5/1/2025 (AHAD)

# Virus hMPV bukan baharu, 327 sampel positif tahun lalu

Orang ramai dinasihat proaktif jaga kesihatan, cegah jangkitan kepada orang lain

Oleh Saadiah Ismail  
Saadiah\_ismail@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kementerian Kesihatan (KKM) mengesan 327 sampel positif virus *human metapneumovirus* (hMPV) pada sepanjang 2024, meningkat berbanding 225 pada 2023.

KKM dalam kenyataannya, berkata hMPV adalah satu jangkitan saluran pernafasan disebabkan virus dalam keluarga *Pneumoviridae*.

"Ia bukanlah satu penyakit baharu dan di negara ini jangkitan hMPV tidak wajib dilaporkan atau dinotifikasikan mengikut Akta Pencegahan dan Pengawasan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342].

"Bagaimanapun jangkitan saluran pernafasan akan terus wujud dalam komuniti dan kita perlu sentiasa berwaspada menghadapinya.

"Orang ramai dinasihatkan supaya proaktif menjaga kesihatan diri serta mencegah jangkitannya kepada orang lain teru-

tamanya di kawasan yang tertutup dan sesak.

"KKM juga akan sentiasa memantau perkembangan jangkitan saluran pernafasan di dalam dan luar negara, meningkatkan kesiapsiagaan dan mengambil tindakan sewajarnya," kata KKM.

Ketika ini, di China, penularan virus hMPV di China berada pada tahap membimbangkan sehingga menjejaskan beberapa negara Asia lain.

Terdapat aduan mengenai hospital penuh sesak dan sistem penjagaan kesihatan yang tertekan akibat penularan pantas virus terbabit terutama di kawasan utara China, menurut pihak berkuasa kesihatan negara itu.

Dalam pada itu, KKM berkata, peningkatan jangkitan saluran pernafasan akut pada hujung dan awal tahun adalah fenomena yang dijangka sepenuhnya, selaras peningkatan jangkitan saluran pernafasan yang turut dilaporkan di negara-negara lain terutama yang bermusim sejuk seperti China.

"Sebagai langkah pencegahan dan kawalan penularan jangkitan, KKM sentiasa membuat pemantauan dari semasa ke semasa, sama ada di dalam dan luar negara, termasuk kuman yang

menyebabkan COVID-19, Influenza dan jangkitan saluran pernafasan lain.

"Mereka yang mengalami gejala berpanjangan atau semakin teruk perlu segera dapatkan pemeriksaan dan rawatan di fasiliti kesihatan kerajaan ataupun swasta terdekat.

"Selain itu, amalkan langkah kerap mencuci tangan, tutup mulut ketika batuk dan memakai pelitup muka bagi mereka berisiko tinggi atau berada di kawasan sesak," menurut kenyataan itu.



Dr Muhammad Amir Yunus

**Bawah 12 tahun paling mudah terdedah hMPV**

Sementara itu, Saintis Virologi Institut Perubatan dan Pergigian Termaju (IPPT), Universiti Sains Malaysia (USM), Dr Muhammad Amir Yunus, berkata golongan berusia bawah 12 tahun antara paling mudah terdedah serangan virus hMPV kerana tergolong kumpulan *respiratory syncytial virus* (RSV) atau virus yang menyebabkan jangkitan pada saluran pernafasan yang kerap menyasarkan kanak-kanak saja.

Beliau berkata, genetik hMPV memiliki asid ribonukleik (RNA) yang lebih kurang sama dengan COVID-19, namun dari sudut



penggunaan bebenangnya, ia agak perlahan dan tidak secepat bebenang COVID-19.

"Kesan virus hMPV ini bergantung tindak balas imunisasi seseorang individu itu yang mana antara gejala yang boleh dilihat adalah bronkitis atau pneumonia.

"Namun sehingga kini, masih belum ada kata putus sama ada virus ini boleh mengancam negara, namun setiap orang disarankan untuk sentiasa berjaga-jaga dengan penyakit bawaan udara ini. Sama seperti COVID-19 dulu, tiada siapa menyangka ia sampai boleh menjadi pandemik," katanya kepada BH, di sini semalam.

Dalam pada itu, Dr Muhammad Amir berkata, apabila diketahui

penularan di China begitu membimbangkan dan kini termasuk pelancong luar negara juga ramai, orang ramai dinasihatkan tidak berada di kawasan sesak dengan pelancong, kerap memakai pelitup muka dan menggunakan pembersih tangan.

"Vaksin untuk jangkitan RSV juga masih dalam fasa pembangunan atau percubaan klinikal dan virus hMPV juga masih belum ada vaksin khusus untuk menanganinya.

"Bagaimanapun saya yakin, dari sudut pemantauan, KKM sudah menjalankan tindakan yang pantas terutama di lapangan terbang supaya tiada virus yang teruk dibawa masuk ke negara kita," katanya.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NATION

NSTI M/S 8 NATION 5/1/2025 (AHAD)

# 'Isolate travellers showing signs of severe illness'

**KUALA LUMPUR:** A virologist has suggested increasing health screenings for symptomatic travellers at entry points following the human metapneumovirus (hMPV) outbreak in China.

Monash University molecular virologist Associate Professor Dr Vinod Balasubramaniam said the focus should be on testing for fever and respiratory symptoms.

"The authorities should isolate travellers showing signs of severe illness for further testing.

"This could be Covid-19, influenza or other known pathogens (that have a risk of spreading)," he told the *New Straits Times*.

Vinod said China was experiencing seasonal respiratory illness spikes, including hMPV and other respiratory viruses like respiratory syncytial virus (RSV) and influenza.

However, he said there was no evidence to suggest these illnesses pose a global pandemic threat like Covid-19.

"Chinese authorities have said these respiratory illnesses are seasonal norms, with fewer severe cases compared with prior years."

Vinod said while hMPV, Covid-19 and influenza were all respiratory viruses, they differed significantly in terms of severity and transmission.

Unlike Covid-19, hMPV did not spread asymptotically as extensively and its severity was manageable in healthy populations, he added.

Vinod said hMPV generally caused mild to moderate respiratory illness, but in high-risk groups, it could lead to severe conditions like bronchiolitis or pneumonia.

"Covid-19 and influenza can also range from mild to severe, with Covid-19 having a higher potential for severe complications and mortality, especially in older adults and those with underlying



Associate Professor Dr  
Vinod Balasubramaniam

health conditions.

"All three viruses spread through respiratory droplets, direct contact and contact with contaminated surfaces.

"Covid-19 has shown a higher transmissibility compared with hMPV and influenza, partly due to asymptomatic transmission and a longer incubation period."

To reduce the risk of hMPV infection, he advised people to wash their hands regularly and avoid touching their face with unwashed hands.

He recommended cleaning and disinfecting frequently touched objects and surfaces, as well as avoiding close contact with others when experiencing respiratory symptoms.

He said it was important to boost public awareness about hMPV, including its symptoms, transmission methods and preventive measures.

"Support public health efforts in monitoring respiratory infections to detect and respond to outbreaks promptly.

"Ensure healthcare facilities are prepared to manage an increase in respiratory infections, including having adequate supplies and protocols in place."

AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 3  
RUANGAN : NASIONAL

BH MISC 3 NASIONAL 5/1/2025 (AAAD)

# Malaysia berisiko hadapi jangkitan radang paru-paru

**Kuala Lumpur:** Pakar kesihatan awam berpandangan Malaysia berisiko menghadapi jangkitan radang paru-paru yang sedang melanda China.

Pensyarah Kanan Fakulti Sains Kesihatan, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Megat Azman Megat Mokhtar, berkata pergerakan manusia antara negara yang aktif serta jaringan perhubungan pengangkutan yang semakin meningkat menyebabkan penyakit tersebar dengan cepat dan berpotensi menjadi pandemik.

Sehubungan itu beliau berkata, Malaysia perlu mengambil langkah proaktif dengan memperketatkan pemantauan kesihatan awam terutama di pintu masuk negara.

"Ini termasuk melalui udara, darat dan laut. Selain itu, pendidikan kesihatan kepada orang awam juga perlu dipertingkatkan.

"Saya yakin Malaysia sudah bersedia menghadapi kemungkinan peningkatan kes respiratori ini berdasarkan pengalaman negara mengendalikan pandemik COVID-19.

"Kerjasama antara agensi pelaksana dan rakyat yang memiliki pengetahuan serta tahap kepatuhan yang tinggi akan memastikan kejayaan dalam kawalan dan pencegahan penyakit berjangkit," katanya kepada *BH*.

Sementara itu, Pakar Perubatan Kesihatan Awam Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Malina Osman berpandangan risiko jangkitan hanya dapat disahkan apabila terdapat kes indeks atau individu dari Malaysia yang pernah pergi ke kawasan wabak atau mempunyai kontak langsung dengan kes indeks berkenaan.

"Namun pada masa ini, saya berpendapat melalui langkah

**Kerjasama antara agensi pelaksana dan rakyat yang memiliki pengetahuan serta tahap kepatuhan tinggi akan memastikan kejayaan dalam kawalan dan pencegahan penyakit berjangkit**



**Megat Azman Megat Mokhtar,**  
Pensyarah Kanan Fakulti Sains Kesihatan UiTM

pemantauan giat yang dilakukan dari semasa ke semasa untuk mengesan sebarang kemungkinan adalah tepat dan memadai.

"Secara umum ia adalah jangkitan yang dikatakan berisiko tinggi di kalangan mereka yang mempunyai daya imun yang rendah. Ini termasuk mereka dalam kumpulan umur ekstrem atau ada masalah sistem imun.

Pada masa ini risiko jangkitan berkenaan adalah amat rendah di negara kita," katanya.

#### Berpotensi ancaman global

Pakar Perunding Respiratori Jabatan Perubatan Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Prof Madya Dr Ng Boon Hau, pula berpandangan metapneumovirus mempunyai potensi menjadi ancaman global, terutama dalam

populasi yang terdedah seperti kanak-kanak dan warga emas.

"Jika virus ini mengalami mutasi dan menjadi lebih mudah berjangkit, ia boleh merebak dengan cepat, termasuk ke Malaysia. Langkah pencegahan yang perlu diambil adalah mengukuhkan sistem pemantauan kesihatan di pintu masuk negara serta Meningkatkan kesedaran masyarakat tentang tanda-tanda penyakit respiratori dan kepentingan menjaga kebersihan.

"Selain itu, Menyediakan vaksinasi jika tersedia untuk kumpulan berisiko tinggi dan memastikan hospital dan klinik dilengkapi dengan peralatan serta kakitangan yang mencukupi untuk menangani kes penyakit respiratori.

"Sistem kesihatan Malaysia mempunyai infrastruktur asas yang kukuh dan berkemampuan menghadapi lonjakan kes respiratori," katanya.



**AKHBAR : SINAR HARIAN**  
**MUKA SURAT : 5**  
**RUANGAN : NASIONAL**

SINAR HARIAN m/s 5 NASIONAL 5/1/2025 (AHAD)

Penyakit ini sudah lama wujud di Malaysia

# 'Tak perlu risau virus HMPV melainkan varian baharu'

Oleh **NURUL NABILA AHMAD HALIMY SHAH ALAM**

Orang ramai tidak perlu bimbang mengenai penularan virus human metapneumovirus (HMPV) yang sedang merebak di China kerana penyakit ini sudah lama wujud di Malaysia kecuali ia menghasilkan varian baharu.

Pakar daripada Pusat Penyelidikan dan Pendidikan Penyakit Berjangkit Tropika (TIDREC) Universiti Malaya (UM), Profesor Dr Sazaly Abu Bakar berkata, penyakit itu serupa dengan selesema biasa yang mudah menjangkiti kanak-kanak berusia sekitar lima tahun.

"Setakat ini, tiada apa yang perlu dibimbangkan hingga memerlukan langkah pencegahan drastik. Kami juga belum menerima maklumat sama ada virus HMPV yang merebak di China itu adalah varian baharu atau lama.

"Namun, kebimbangan mungkin timbul sekiranya virus ini mengalami mutasi yang memberi kesan lebih teruk kepada masyarakat," katanya kepada *Sinar Premium*.

Dr Sazaly menjelaskan bahawa sekiranya ia merupakan varian baharu, masyarakat perlu berwaspada kerana ia berpotensi menyebabkan jangkitan yang lebih agresif berbanding biasa.

"Kita perlu menilai ciri-ciri virus ini kerana ia berpotensi menyebabkan jangkitan yang lebih serius daripada biasa. Apa yang perlu diberi perhatian adalah apabila virus tersebut kelihatan serupa dengan HMPV, tetapi sebenarnya bukan HMPV.

"Contohnya, seperti Covid-19 di mana virus tersebut telah melalui mutasi dan menghasilkan pelbagai varian baharu yang berbeza. Namun, berdasarkan keadaan dan maklumat yang ada, orang



ramai tidak perlu bimbang," katanya.

Menurut Dr Sazaly, jangkitan HMPV ini biasanya bersifat ringan dan pesakit boleh sembuh seperti sediakala dalam tempoh seminggu, kecuali bagi kanak-kanak yang mempunyai penyakit kronik yang lain.

"Kebanyakan orang sudah pun terdedah kepada jangkitan ini tanpa sedar dan kita mungkin sudah mempunyai imuniti kerana HMPV telah lama wujud di Malaysia.

"Namun, bagi kanak-kanak, mereka mungkin perlu diberi perhatian kerana jangkitan HMPV boleh menyebabkan kehilangan selera makan dan akhirnya meningkatkan risiko dehidrasi," jelasnya.

Menurut pakar, HMPV pertama kali dikenal pasti pada tahun 2001 di Belanda, dengan simptom yang serupa seperti Covid-19 iaitu batuk dan selesema.

Dalam kes-kes yang lebih serius terutamanya melibatkan kanak-kanak dan warga emas, virus ini boleh menyebabkan kesukaran bernafas dan membawa kepada kematian.

Setakat ini, Pusat Kawalan dan Pencegahan Penyakit China (CCDCP) mengesahkan bahawa wilayah utara China paling teruk terkesan dan menjejaskan beberapa negara Asia lain.

## Waspada


Sementara itu, Pakar Kesihatan Masyarakat dari Fakulti Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia, Profesor Dr Sharifa Ezat Wan Puteh berpandangan, biarpun kemungkinan besar HMPV tidak akan berkembang menjadi pandemik, masyarakat tetap perlu berwaspada.



DR SAZALY



DR SHARIFA EZAT



Jangkitan HMPV bersifat ringan dan boleh sembuh dalam tempoh seminggu kecuali bagi pesakit yang mempunyai penyakit kronik.

"Virus ini telah wujud sejak 2001, namun kini ia telah merebak dengan skala yang lebih besar, menyebabkan lebih ramai individu terjejas di China dan India. Walaupun HMPV telah wujud di Malaysia dan kebanyakan pesakit boleh sembuh dengan sendiri, situasi mungkin sedikit berbeza.

"Dengan peningkatan kes yang semakin kerap, kita tidak dapat memastikan sama ada ini adalah satu trend baharu atau petanda kepada pandemik yang lebih besar. Oleh itu, orang ramai dinasihatkan untuk berjaga-jaga," jelasnya.

Bagi mengelakkan jangkitan, Dr Sharifa Ezat mencadangkan agar langkah pencegahan yang sama seperti Covid-19 boleh diambil.

"Penggunaan pelitup muka jika tidak sihat, kerap membasuh tangan dan memastikan ventilasi yang baik adalah penting. Jika seseorang disyaki mempunyai

HMPV, memakai pelitup muka dapat membantu mengelakkan penyebaran virus kepada orang lain.

"Bagi individu yang mengalami simptom selepas pulang dari negara seperti China dan India, disarankan untuk mengelakkan berjumpa dengan orang ramai dahulu," katanya.

Menurut Dr Sharifa Ezat, warga Malaysia juga dinasihatkan untuk mengelakkan diri daripada melawat kawasan berisiko tinggi di negara-negara tersebut terutamanya pada musim sejuk kerana virus ini lebih aktif pada suhu rendah.

"Tidak dinafikan, ada risiko untuk pelancong dari China dan India membawa virus ini ke negara lain.

"Oleh itu, langkah pencegahan seperti memantau simptom demam dan batuk sebelum memasuki negara boleh diambil bagi mengesan jangkitan lebih awal," kata beliau.